



## MAJLIS BANDARAYA S<sup>E</sup>BERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR S<sup>E</sup>BERANG PERAI**

### SEMPENA

**PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA BIL. 1/2024**

### TARIKH / MASA / TEMPAT

15 JANUARI 2024 (ISNIN)

8.45 PAGI

**TAPAK PERHIMPUNAN KORPORAT  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA S<sup>E</sup>BERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah dan Syukur kepada Tuhan atas segala nikmat dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam **Majlis Perhimpunan Korporat Bandaraya Siri 1 / 2024** pada Tahun Baharu 2024 ini.
2. Ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan serta semua Kakitangan MBSP dan Wira-Wira Oren yang saya kasihi. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua amatlah saya hargai. Sesungguhnya Perhimpunan seumpama ini merupakan satu platform dalam memastikan hasrat dan aspirasi MBSP dapat disampaikan kepada seluruh warga kerja MBSP.
3. Kepada Warga Kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai, saya, mewakili pengurusan MBSP, dengan rasa bangga dan berbesar hati menzahirkan penghargaan atas segala usaha dan komitmen tinggi dalam menjayakan apa juu gerak kerja bagi melunasi fungsi dan tanggungjawab MBSP. Anda, seluruh warga kerja MBSP telah membuktikan kesungguhan yang cemerlang dengan mencatatkan

pencapaian-pencapaian positif dan berkesan pada tahun 2023.

Pencapaian dan kejayaan ini adalah manifestasi dan simbolik kebersamaan kita semua dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif dan idea baru, usaha dan tekad dalam menyantuni masyarakat yang semakin pelbagai.

4. Tahniah sekali lagi daripada saya dan seluruh kepimpinan tertinggi MBSP di atas semua usaha dan pencapaian semua warga MBSP sepanjang tahun 2023 sehingga kita telah berjaya menerima penghargaan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai agensi Kerajaan yang memperoleh pengiktirafan dan penganugerahan terbanyak di negeri Pulau Pinang sepanjang tahun 2023. Insentif penghargaan bernilai RM 30,000.00 telah disampaikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dalam Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang yang berlangsung di Grand Ballroom, The Top KOMTAR.
5. MBSP telah menerima penghargaan dan insentif ini setelah berjaya memperoleh 15 pengiktirafan / anugerah di peringkat Antarabangsa, Kebangsaan dan Negeri Pulau Pinang sepanjang tahun 2023 antaranya Anugerah Emas bagi Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA), Pensijilan Kualiti dari SIRIM, Anugerah Smart City Early Adopted, Pensijilan Malaysia Book of Records (MBR) pameran lampu LED di Vision Park, Sijil Anugerah Bandar Bahagia,

Pencapaian Status Bandar Mampan, Anugerah Diamond Award bagi Projek Bougainvillea Park, Anugerah National Scroll of Honour Award for Human Settlement (NHOSA), "Top 10 Shortlisted Cities for Toyota Mobility Challenge 9 million Sustainable Cities Challenge" peringkat antarabangsa dan lain-lain lagi. Saya yakin, tentunya segala pencapaian ini akan membakar obor semangat untuk kita warga kerja MBSP terus lebih produktif dan berkesan pada tahun ini, iaitu Tahun 2024.

6. Bagi tahun 2024, kita telah mempersiapkan dengan Pelan Tindakan Halatuju yang baru melalui pelbagai peringkat brainstorming dan sesi wacana. Justeru, saya berharap agar hasrat saya untuk merakyatkan MBSP dapat dicapai. Kita ubah minda masyarakat supaya mereka yakin yang MBSP ini adalah sebuah PBT yang mudah didekati, berhemah namun masih mengekalkan prinsip tegas pada perkara yang betul dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan. Selain itu, perkara yang perlu diberi tumpuan adalah dalam aspek pemantapan kebersihan, pemerkasaan penguatkuasaan dan peningkatan hasil.
7. Kita perlu bersiap sedia memandangkan tahun 2024 adalah satu cabaran dalam urusan pengurusan kewangan Majlis dari segi kenaikan harga diesel, kenaikan perbelanjaan lanjutan daripada kenaikan SST daripada 6% kepada 8% dan kenaikan kos klinik panel. Secara dasarnya, kenaikan perbelanjaan bagi tahun 2024

semestinya akan meningkat. Oleh itu, saya mohon agar kita menggandakan usaha mencari alternatif untuk pencarian hasil-hasil baru dan mempergiatkan usaha kutipan hasil supaya hasil bagi tahun 2024 dapat dimaksimakan. Berbelanjalah secara berhemah dan mengikut kemampuan serta apa yang telah dibajetkan.

8. MBSP merupakan sebuah keluarga yang terdiri daripada Datuk Bandar, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan seluruh warga yang berkhidmat di sini. Justeru, marilah kita bekerja dalam satu pasukan yang harmoni, hormat-menghormati dan saling bekerjasama untuk menambahbaik tadbir urus MBSP. Sebagaimana sebuah keluarga, buanglah sikap dengki, berpuak-puak dan hasut menghasut kerana perkara ini hanya merugikan kita semua.
9. MBSP telah mengambil langkah dengan memperuntukan wang untuk team building di antara jabatan dan juga sesama pegawai. Ini merupakan salah satu langkah daripada pihak pengurusan untuk melihat MBSP sebuah organisasi yang harmoni. Walau siapa pon kita, tinggi mana pon jawatan kita, kita semua adalah insan yang sama. Kita perlu tahu bahawa "*Respect is a two way street, If u want it, you have to give it*". Bersyukur dengan rezeki yang Allah kurniakan kepada kita untuk masih berkhidmat dan ada sumber rezeki kita di sini. Teruskan bekerja dan jaga nama baik jabatan dan keluarga.

Elakkan diri kita daripada terlibat dengan perkara-perkara yang boleh dikenakan tindakan tatatertib.

10. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menerima pemakluman rasmi penarafan semula risiko rasuah tahun 2023 oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 5 Disember 2023. SPM dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan penarafan risiko ke atas agensi awam pada setiap tiga (3) tahun sekali. Penarafan terdahulu telah dibuat pada tahun 2020 di mana MBSP telah ditarafkan sebagai TINGGI. Berdasarkan data-data yang diperolehi daripada pihak SPM bagi tempoh 2020 sehingga 2022 dan juga maklumat yang dibekalkan oleh pihak MBSP sendiri, hasil penarafan semula risiko tahun 2023 telah mendapati MBSP dikategorikan sebagai risiko RENDAH. Syabas dan Tahniah semua.

11. MBSP juga amat prihatin terhadap kebijakan semua kakitangan MBSP yang berkhidmat dengan penuh dedikasi demi memastikan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh warga Seberang Perai. Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelantikan Ke – 6/2023 pada 6 Disember 2023 telah meluluskan Dasar Bantuan Hilang Upaya Sementara Kepada Kakitangan Kontrak MBSP.

Perlaksanaan Dasar Bantuan Hilang Upaya Sementara Kepada Kakitangan Kontrak MBSP seperti berikut:

- i. Kakitangan yang mengalami hilang upaya sementara / penyakit kritikal dan mendapat cuti sakit melebihi 15 hari dan mempunyai Sijil Cuti Sakit yang sah.
- ii. Kakitangan mengalami hilang upaya sementara / penyakit kritikal serta mendapat cuti sakit melebihi 15 hari dan mempunyai Sijil Cuti Sakit yang sah tetapi dilindungi oleh Perkeso, potongan emolumen akan dibuat secara ansuran setelah disahkan beliau menerima bayaran daripada Perkeso.
- iii. Kakitangan mengalami hilang upaya sementara atau mengidap penyakit kritikal yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Berdaftar dan mempunyai Sijil Cuti Sakit yang sah
- iv. Bantuan Hilang Upaya Sementara ini adalah selama 12 bulan sahaja. Jika kakitangan berkenaan masih tiada upaya untuk bekerja, permohonan pencen ilat akan dimohon kepada Perkeso.
- v. Bantuan Hilang Upaya Sementara adalah ditetapkan pada kadar seperti berikut :

<b>TEMPOH</b>	<b>KADAR</b>
6 bulan pertama	Bayaran penuh emolumen
6 bulan kedua	Bayaran 50% emolumen

vi. Dasar ini tidak terpakai kepada kakitangan yang mendapat cuti sakit melebihi kelayakan bagi pesakit luar / penyakit ringan dan tidak mendapat pengesahan Pegawai Perubatan Berdaftar.

Dasar Bantuan Hilang Upaya Sementara Kepada Kakitangan Kontrak MBSP ini telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2024.

12. Program-program sukan untuk kakitangan dan penduduk Seberang Perai tetap akan diteruskan dalam tahun 2024. Pada tahun ini, MBSP akan menganjurkan Pertandingan Golf Piala Datuk Bandar yang pertama kali telah diadakan pada tahun 2022. Pertandingan yang diadakan dua (2) tahun sekali ini akan diadakan di Kepala Batas, SPU. Selain itu, untuk tahun 2024 ini juga Karnival Sukan Kerajaan Tempatan (MALA) juga akan diadakan di beberapa negeri yang dipilih. MBSP seperti biasa akan menghantar kontinjen yang diwakili oleh pelbagai peringkat kakitangan untuk berjuang bagi menaikkan nama MBSP dikalangan Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia. Program-program Kesihatan lain yang telah dirancang akan diadakan termasuk MBSP Cycling Day dan MBSP Car Free Morning yang akan diadakan pada setiap bulan. Selain itu, program sukan massa yang melibatkan penduduk Seberang Perai juga telah dirancang seperti *MBSP Chinese New Year Run, MBSP City Walk* dan *Seberang Perai Fellowship Ride 2024*.

13. Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Pusat Khidmat KADUN Jawi disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menganjurkan Nibong Tebal Festival pada 20 – 21 Januari 2024 (Sabtu – Ahad) bermula dari jam 6.00 petang sehingga 11.00 malam di Jalan Pasar Lama, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan buat julung kalinya. Nibong Tebal Festival yang berkonsepkan street art performance akan menyajikan pelbagai pengisian serta persembahan acara tempatan dan antarabangsa yang dibawa secara langsung kepada komuniti di Nibong Tebal. Lebih daripada 30 aktiviti secara PERCUMA yang pastinya menjanjikan kelainan di luar jangkaan bakal dipertontonkan yang terdiri daripada persembahan antarabangsa dari Mexico dan Itali, persembahan kebudayaan tempatan seperti tarian singa, wayang kulit, chingay, Penang Dhol Blaster, World of Fire, Chingay, hands-on workshop, permainan tradisional, Kombi Photo Booth, Food Truck Alley dan pelbagai lagi aktiviti yang menarik. Semua warga MBSP, komuniti Seberang Perai amnya dan Negeri Pulau Pinang khasnya dijemput hadir.
14. Program Senam Sihat Warga MBSP ini adalah merupakan salah satu inisiatif pengurusan tertinggi MBSP kepada kakitangan MBSP bagi mengekalkan gaya hidup sihat di samping melaksanakan tugas harian. Program ini bermula pada 11 Januari 2023 dan program yang terakhir adalah pada 20 Disember 2023 dan ianya telah dilaksanakan

sebanyak 21 kali sepanjang tahun 2023. MBSP telah bersetuju untuk memberikan hadiah kepada peserta yang menghadiri Program Senam Sihat Warga MBSP melebihi 17 kali bagi tahun 2023. Peserta yang menghadiri program ini melebihi 17 kali akan menerima hadiah sebagai insentif. Tahniah kepada semua atas penglibatan di dalam program ini. Sebenarnya bukanlah bilangan penyertaan yang kita kehendaki, tetapi semangat menjaga kesihatan itu yang mahu kita titik beratkan.

15. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Persatuan Akitek Malaysia (PAM) telah menganjurkan pertandingan MBSP Architectural Design Ideas Competition For Pasar Awam Bukit Mertajam pada 4 Januari 2024 yang lalu. Kita telah memberi hadiah kepada para pemenang. Walau bagaimanapun, Menteri KP KT, YB. Tuan Nga Kor Ming telah menyatakan dalam ucapannya bahawa MBSP diberikan cabaran untuk menyiapkan projek Pembangunan Semula Pasar Awam Bukit Mertajam dengan peruntukan berjumlah RM24 Juta dalam tempoh 24 bulan atau 2 tahun. YB Menteri telah memberikan timeline untuk menyiapkan projek tersebut selewatnya sebelum hari raya Aidulfitri tahun 2026. Ini adalah suatu cabaran besar kepada MBSP bagi melaksanakan projek berkaitan dalam tempoh tersebut. Pembangunan pasar awam ini adalah selaras dengan Wawasan

Penang2030 : Theme D.Invest in built environment to improve resilience – balance development through effective spatial planning. Diharap projek ini dapat berjalan dengan lancar dan diberikan pemantauan sewajarnya.

16. Pada 29 Disember 2024 lalu, Bahagian Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan MBSP bersama-sama pasukan *Emergency Respon Team (ERT)* telah berjaya mengadakan Latihan Pengungsian Bangunan (Evacuation Drill) Di Bangunan Ibu Pejabat MBSP. Latihan ini diadakan bertujuan memberi latihan kepada kakitangan serta sebagai persediaan kepada anggota pasukan ERT sekiranya berlaku kecemasan sebenar di Bangunan menara MBSP. Sebagai makluman, pasukan ini dianggotai seramai 24 orang dan telah hadir serta lulus kursus yang dijalankan oleh pihak BOMBA dan akan bertindak sebagai first responder sekiranya berlaku kecemasan.
17. Ketika sesi latihan berjalan, pasukan ERT MBSP telah berjaya mengawal situasi bagi senario yang dirancang dengan penggunaan fire hydrant tanpa pengawasan pihak BOMBA. Ini menunjukkan kemampuan serta keupayaan anggota pasukan ERT MBSP untuk bertindak sekiranya berlaku kecemasan. Terima kasih kepada Encik Mohd Fidaie serta pasukannya dan tahniah kepada semua yang terlibat.

18. Semua sedia maklum kita masih belum kebah daripada wabak Covid
19. Setiap hari, saya akan menerima laporan mengenai jumlah kakitangan yang dijangkiti. Justeru, saya mohon semua kakitangan agar mengambil langkah berjaga-jaga dan seeloknya memakai pelitup muka dan sentiasa sanitize tangan anda untuk mengelakkan dijangkiti.
19. 10-14 Januari 2024 rasanya tarikh yang tidak dapat dilupakan oleh seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang. Air adalah rahmat Allah yang tidak ternilai. Tiada elektrik rasanya boleh bertahan lagi tetapi kalau tiada air seolah-olah dunia ni lebih gelap daripada ketiadaan elektrik. MBSP telah berjaya melalui fasa tersebut dan telah bersama PBA membantu menghantar bekalan air disamping menyediakan tangki simpanan sebanyak 7 tanker simpanan. Selain itu, MBSP juga telah meletakkan tangki polytank bagi tujuan simpanan air tandas awam di 76 pasar/kompleks makanan di seluruh Seberang Perai. Pekerja dan pemandu lori tangki Jabatan Pengurusan Krisis, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Jabatan Landskap telah dikerah bekerja 24 jam sehari mengikut shift bagi tujuan ini. Terima kasih saya ucapkan buat semua yang terlibat.
20. Di atas usaha dan pencapaian tahun 2023, MBSP telah bersetuju untuk memberikan insentif kecemerlangan bagi menghargai komitmen dan kerja keras Ahli Majlis dan Kakitangan MBSP sepanjang tahun

2023, bayaran Insentif Kecemerlangan Prestasi 2023 diberikan pada kadar 1/4 bulan gaji atau minimum RM700.00 kepada Ahli Majlis dan Kakitangan MBSP yang layak. Pemberian Insentif Kecemerlangan Prestasi 2023 ini akan melibatkan implikasi kos sebanyak RM2.98 juta dan pembayaran akan dibuat pada bulan Januari 2024.

21. Kekalkan dan tingkatkan momentum kerja dan disiplin kita untuk menjadikan MBSP Unggul dan Cemerlang. Kita juga perlu terus sentiasa meningkatkan usaha kreatif, inovatif dan berdaya cipta dalam mencari ruang untuk menyumbang kepada kecemerlangan organisasi MBSP dan kesejahteraan Negeri Pulau Pinang.

*Junjung kepercayaan,*

*Amanah didakap*

*Hormati perbezaan*

*Saling lengkap*

*Serap hasrat insan*

*Azam dan doa*

*Usaha dan istiqamah*

*Saling menghormati*

*Buat kerja dan buktikan*

22. Akhir kata, Selamat Melayari Tahun 2024 dengan Iltizam dan Semangat baru.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***